



**NORIMAH BINTI HAJI AHMAD**

**NURI HINGGAP DI SINI**

*Oleh: Mohd Ghazali Tocheh*

DIA berkahwin dengan pemuda senasibnya pada 22 Oktober 1978. Kerana jodoh mereka tidak panjang dan selepas 4 tahun hidup sebumbung, dia dan suaminya telah berpisah. Ketika itu mereka sudah ada 2 orang anak perempuan. Walaupun hidupnya terumbang-ambing persis layang-layang putus tali, dia tetap tidak hilang pedoman dan pegangan. Dia terus menyusun strategi dan menangkis segala cabaran mendatang dengan tabah dan sabar menuju hidup baru. Berbekalkan semangat yang kental dan tidak mudah mengalah, dia terus berjuang mengukuhkan kehidupannya anak-beranak beransur-ansur. Ketika itu dia tinggal menyewa di salah satu unit rumah pangsa, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jalan Kenanga, Kuala Lumpur. Di premis inilah dia membesar dan mendidik anak-anaknya sesempurna boleh. Walaupun berpendapatan kecil, kerjayanya sebagai Jurulatih Membuat Bakul di Pusat Latihan Gurney

(GTC), Persatuan Bagi Orang-orang Buta Malaysia (MAB), Brickfields, Kuala Lumpur banyak membantu kejayaan hidupnya anak-beranak sehingga ke detik ini.

Anak keduanya (cacat penglihatan) sedang menjalani Pengajian Urut Dan Refleksologi di Jepun. Anaknya yang sulung pula sedang mengikuti Pengajian Pengurusan Perakaunan di Peringkat Diploma (sepenuh masa) di Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. Dalam masa yang sama, anaknya yang sulung itu juga turut mengikuti pengajian luar kampus di bidang Pengurusan Teknologi Perniagaan Peringkat Ijazah di bawah kendalian Universiti Teknologi Malaysia. Anaknya itu jugalah yang membantu menguruskan perniagaannya di Nuri Reflexology And Therapy di Tingkat 2, Bangunan Medan MARA, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur.

Norimah binti Haji Ahmad dilahirkan pada 27 September 1953 di Kluang, Johor. Kedua ibu dan bapanya berasal dari Rembau, Negeri Sembilan. Dia anak kelima daripada 16 orang adik-beradik. Bapanya seorang askar dan berkhidmat dengan Tentera British pada masa itu dan ibunya pula suri rumah tangga sepenuh masa. Dia dibesarkan di Kampung Melayu, Kluang, Johor. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kampung Melayu, Kluang.

Sedang dia rancak belajar di Darjah 3, keluarganya terpaksa berpindah ke Terengganu. Bapanya yang membuka perniagaan sendiri setelah bersara daripada Angkatan Tentera British terpaksa gulung tikar atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Ini juga memaksa bapanya menjual semua hak milik mereka termasuk rumah di Kampung Melayu, Kluang sebelum berpindah. Disebabkan rumah jauh dari sekolah selepas bermukim di salah sebuah daerah di Terengganu, ibu tidak membenarkannya meneruskan pelajaran. Ibu khawatirkan keselamatan dirinya disebabkan keupayaan pandangannya amat terhad. Walaupun penglihatannya tidak jelas, seingatnya sejak kecil lagi dia belum pernah mengalami masalah besar dari segi pergerakan. Dengan penglihatannya yang terhad itu juga berjaya dieksplotinya untuk mengenal huruf, menulis dan membaca dengan merapatkannya ke mata.

Lantaran banyak waktu yang terluang, dia sentiasa mendekatkan dirinya pada buku-buku pelajaran adik-adiknya. Dia sentiasa peka dan mengikuti perkembangan pelajaran adik-adiknya dari semasa ke semasa. Setiap kali adik-adiknya belajar dan menyempurnakan kerja-kerja sekolah di rumah, dia sentiasa ambil berat dan menyoal adik-adiknya tentang perkembangan pelajaran mereka di sekolah. Tindakannya ini sedikit-sebanyak memberi input dan kesan positif pada perkembangan mindanya terhadap pelajaran semasa yang disampaikan di sekolah-sekolah.

Ketika usianya lebih kurang 12 tahun, selepas lebih 3 tahun tinggal di Terengganu, mereka sekeluarga terpaksa berpindah balik ke kampung sendiri di Sepri, Rembau, Negeri Sembilan. Perniagaan bapanya sebagai kontraktor membekal dan memasang saluran paip di Terengganu gagal diteruskan. Ini disebabkan kesemua bekalan, peralatan dan kelengkapan sudah musnah dan hilang akibat dihanyutkan banjir besar yang berlaku. Di kampung, mereka tinggal di rumah sendiri. Di samping mengusahakan tanah sendiri, kedua ibu dan bapanya juga turut mengerjakan sawah padi, mengambil upah menebas-menebang hutan untuk dijadikan kebun, ladang dan sebagainya. Adik-adiknya pula meneruskan pelajaran masing-masing di sekolah rendah dan menengah berdekatan. Dia yang tinggal di rumah menjaga adik-adik yang masih kecil-kecil lagi di samping mengemas rumah di mana mampu.

Setelah usianya 15 tahun, dia berjinak-jinak pula dengan persatuan belia setempat. Sebilangan besar rakan sekampung dan sebaya amat memahami masalah mata yang dihadapinya. Mereka sedia membantu setiap kali dia memerlukannya. Atas galakan rakan-rakan sebaya, dia melibatkan dirinya dengan berbagai aktiviti anjuran persatuan. Selain daripada bergiat di bidang kebudayaan dan kesenian, acara lawatan anjuran persatuan dia tidak pernah ketinggalan menyertainya.

Di dalam tahun 1968, dia menyertai rombongan anjuran persatuan melawat Kuala Lumpur. Salah satu aturcara destinasi lawatan mereka termasuklah ke GTC, MAB. Hasil

daripada lawatan itu, timbulah kecenderungannya yang mendalam untuk belajar dan mendapat latihan kemahiran sesuai di situ. Sehari setelah balik semula ke kampung, dia pergi mendapatkan penjelasan dan maklumat yang diperlukannya daripada Pegawai Kebajikan Masyarakat Rembau. Pegawai itu memaklumkan padanya bahawa orang-orang buta yang tinggal di kampung dan tidak berpendidikan formal, tidak layak dihantar ke situ.

Sedang dia memendam perasaan kecewa lantaran hajatnya tidak terkabul, dia dan keluarganya didatangi Pegawai Kebajikan Masyarakat Rembau bersama-sama beberapa petugas dari Taman Harapan Bagi Orang-orang Buta, MAB, Temerloh, Pahang. Setelah mendapat penerangan secukupnya, dia menyatakan kesediaannya memasuki Taman Harapan. Padanya inilah peluang terbaik baginya melarikan diri daripada mereka yang suka mencemuh kekurangannya. Walaupun ibu menahannya keras, dia tetap muktamad dengan keputusannya. Ibu akhirnya merestui pemergiannya selepas dipujuk bapa dan adik-beradiknya.

Dia memasuki Taman Harapan pada pertengahan tahun 1970 ketika Taman Harapan julung-julung kalinya mengambil wanita-wanita buta sebagai pelatih. Lantaran tidak pernah berpisah dengan keluarga sejak kecil lagi, dia benar-benar terasa kekok dan terasing hidup sesudah berada di Taman Harapan. Sedih dan hibanya berlarutan buat beberapa lama hingga menggugat tumpuannya mengikuti latihan. Hanya selepas enam bulan berlalu, barulah dia dapat menerima hakikat hidup sebenar. Dia tidak seharusnya bergantung hidup sepenuhnya pada keluarga sepanjang masa. Dengan kesedarannya itulah dia mula mengorak langkah dengan lancar mengikuti setiap latihan yang dijadualkan.

Sebaik latihannya berakhir, pada penghujung tahun 1971 dia telah ditawarkan jawatan Jurulatih Pertanian di Taman Harapan. Antara tugasnya termasuklah mengajar dan membimbing pelatih-pelatih menyediakan batas-batas dan kaedah menanam sayur-sayuran, memeliharanya dan menyediakan baja. Dia juga turut membimbing pelatih-pelatih membersih reban dan mengutip telur-telur ayam serta aspek-aspek lain berkaitan penjagaan ayam. Dia juga bertindak

menggantikan Jurulatih Membuat Bakul apabila diperlukan untuk mengajar dan membimbing pelatih-pelatih membuat bakul daripada rotan. Aspek kebersihan bilik-bilik pelatih dan kawasan sekeliling juga, dia turut sama memainkan peranan untuk memastikannya.

Sesudah dinobatkan sebagai Jurulatih, dia merasakan hidupnya lebih bermakna lagi. Di samping usianya yang masih muda sudah didedahkan dan dibebani tugas yang mencabar, dia juga amat terasa bahawa setiap khidmatnya yang disumbangkan dihargai. Dia amat bersyukur dan insaf lantaran tanpa pendidikan formal pun, dia berjaya melunaskan tanggungjawabnya dengan cekap dan efektif. Dia juga turut menimba berbagai pengetahuan dan pengalaman hidup bersama-sama insan senasib yang tidak pernah dilaluinya sebelumnya.

Selepas lebih kurang 6 tahun berkhidmat di Taman Harapan, keinginannya memperbaiki diri di bidang pelajaran terpancar di hati. Dia merancang belajar lagi di mana-mana institusi pendidikan orang-orang buta bagi memenuhi idamannya. Dia bercita-cita mahu merangkul Sijil Rendah Pelajaran (SRP) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Dengan sijil-sijil itu kelak, dia yakin lebih mudah baginya meneroka kejayaan hidup di hari-hari mendatang. Ekoran itu, dia mengambil keputusan menamatkan kerjayanya di Taman Harapan. Sebelum dia memulakan sebarang langkah, dia lebih dahulu balik ke kampung. Maksudnya mahu mendapatkan maklumat lengkap berkaitan cita-citanya itu daripada Pegawai Kebajikan Masyarakat Rembau. Apa yang diidam-idamkannya berkecaci apabila pegawai itu menjelaskan bahawa tiada sekolah atau institusi pendidikan khas untuk orang-orang sepertinya disediakan Kerajaan. Ekoran itu, dia memutuskan untuk memohon masuk ke Sekolah St. Nicholas, Pulau Pinang.

Sebelum permohonannya sempat mendapat jawapan, dia lebih dahulu telah diambil bekerja sebagai Pengasuh pada anak-anak seorang Pensyarah yang berkhidmat di Maktab Perguruan Raja Melewar, Seremban. Selepas menamatkan perkhidmatannya dengan Pensyarah itu, dia bekerja pula sebagai Pembantu Rumah pada seorang yang bau-bau bacang dengannya,

pun di Seremban juga. Walaupun mereka amat menyedari yang dirinya ada kekurangan dari segi penglihatan, namun dia amat lega kerana khidmat yang disumbangkannya mereka hargai.

Pada tahun 1978 dia ditawarkan masuk ke Pusat Pekerjaan (Occupation Centre - O.C) di Sekolah St. Nicholas, Pulau Pinang. Di samping membuat bakul daripada rotan, dia juga memahirkan diri membuat Bangku (tool) yang dianyam menggunakan tali nylon. Namun selepas beberapa bulan di situ, dia mengambil keputusan balik kampung. Belum pun lama tinggal di kampung, dia diberitahu keluarga bahawa ada pemuda senasibnya masuk melamarnya. Walaupun dia tidak berminat dengan perkembangan itu, dia langsung tidak berdaya membantahnya. Demi menjaga hati keluarga sendiri dan nama baik keluarga pemuda yang sudah bertunang dengannya, mereka akhirnya diijabkabulkan walaupun pada hakikatnya dia belum bersedia lagi untuk bersuami.

Sesudah bersuami, dia menumpukan sepenuh tenaganya pada rumah tangga. Meski pun demikian, waktunya tetap masih banyak lagi yang terluang. Apabila dia mendapat khabar ada kekosongan jawatan Jurulatih Membuat Bakul Daripada Rotan Halus di GTC, dia memohonnya untuk mencuba nasib. Hanya selepas menunggu lebih setahun dan sesudah mendapat cahaya mata pertama barulah pihak GTC, MAB menawarkan jawatan tersebut padanya. Dia memulakan khidmatnya di GTC pada 1 Julai 1980. Manusia hanya mampu merancang, namun segala-galanya Allah yang menentukannya. Walaupun dia terasa kecewa dan amat kekosongan sesudah berpisah hidup dengan suami pada tahun 1982, kerjayanya di GTC tetap diteruskannya untuk biaya hidup dan kehidupannya anak-beranak.

Berikutnya GTC menyediakan Kursus Urut Dan Refleksologi mulai Januari 1984, dia telah dilibatkan oleh Pengetua untuk membantu Jurulatih berkenaan yang didatangkan khusus dari Royal Commonwealth Society For The Blind (RCSB), Indonesia. Atas permintaan dan arahan Pengetua, dia akhirnya akur mengurus dan menjadi salah seorang pelatih di dalam kursus itu. Setelah mengikuti kursus itu beberapa lama, dia mendapati potensinya mampu berkembang

dan boleh mencerahkan lagi masa depannya.

Berasaskan pendapatnya sendiri, dia terus serius membabitkan dirinya di dalam kursus itu dengan penuh minat dan lebih giat lagi. Selepas tempoh perkhidmatan Jurulatih dari RCSR Indonesia selama 6 bulan berakhir, Jurulatih dari RCSR Filipina (tahun 1985 selama 6 bulan) dan Jurulatih dari RCSR Thailand (tahun 1986 selama 6 bulan) pula yang datang mengganti. Daripada mereka dia mendalami bersungguh-sungguh berbagai aspek ilmu, pengetahuan dan pengalaman di bidang urut dan refleksologi sama ada dari segi teori maupun praktikalnya.

Baki tempoh 6 bulan lagi dari tahun 1984 hingga 1986 setelah ketiga-tiga Jurulatih RCSR menamatkan perkhidmatan masing-masing, dia telah diberi kepercayaan oleh pihak berkuasa GTC membimbang pelatih-pelatih yang terbabit di dalam Kursus Urut dan Refleksologi. Ekoran tugas barunya itu, mulai tahun 1984 dia memikul dua tugas serentak di GTC. Kalau di sebelah pagi dia membimbang pelatih-pelatih di bidang urut dan refleksologi, di sebelah petang pula dia meneruskan tugas asalnya sebagai Jurulatih Membuat Bakul. Sambil sibuk dengan rutin hariannya, sempat juga dia mencuri masa membaca dan mengulang kaji buku-buku pelajaran semasa sebagai persediaan untuknya menduduki peperiksaan SRP.

Sebenarnya setelah dia gagal memasuki mana-mana institusi pendidikan khas untuk orang-orang buta, cita-citanya tidak mati di situ sahaja. Dia terus berikhtiar dan berusaha berbagai hala menjurus melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan persekolahan dan pelajaran semasa. Setelah diperkenal dan menggunakan cermin kanta pembesar (magnify glass), dia semakin rancak belajar. Cermin kanta pembesar benar-benar membantu dan memudahkannya menulis, membaca dan mengulangkaji pelajaran secara bersendirian. Apabila keputusan peperiksaan SRP yang didudukinya pada tahun 1984 diumumkan, dia beroleh kelulusan cemerlang. Dia meneruskan lagi usahanya belajar sendiri untuk persediaan menduduki peperiksaan SPM pula. Selepas mendudukinya sebanyak lima kali berturut-turut bermula tahun 1986, pencapaian yang mampu diraihnya hanyalah setakat Sijil Am Pelajaran cuma.

Berasaskan falsafahnya sendiri bahawa tidak kesemua yang dihajati di dalam kehidupannya berjaya diraih, dia tidak lagi meneruskan usahanya itu. Sebaliknya dia bertumpu sepenuh perhatiannya pada kemahirannya di bidang urut dan refleksologi untuk menambah pendapatan selepas waktu bekerja. Selain daripada kos sara hidup di Kuala Lumpur terus melonjak, beban kewangannya turut bertambah berikutan kedua-dua anaknya sudah belajar di sekolah berasrama. Selain daripada mengedarkan kad-kad perniagaannya secara percuma kepada ramai, perkhidmatannya juga mendapat tempahan daripada pusat-pusat golf dan kecantikan. Di kediamannya juga dia menyediakan ruang khusus bagi mereka yang ingin mendapatkan perkhidmatan di rumahnya sendiri.

Mendapati hasilnya lumayan dan berterusan, dia langsung bercita-cita dan merancang membuka pusat urut dan refleksologi sendiri. Mendapati pihak Majlis Amanah Rakyat (MARA) ada menganjurkan kursus berkaitan keusahawan, langsung dia memohon untuk mengikutinya secara total. Pada bulan Disember 1993 dia ditawarkan Latihan Pembentukan Usahawan peringkat pertama selama 10 hari di Hotel Morib, Selangor. Dia juga memohon cuti tanpa gaji dari GTC bagi tempoh bermula daripada bulan Jun hingga Disember 1994 untuk memudahkannya mengikuti setiap peringkat kursus berkenaan tanpa gangguan.

Selepas setahun mengikuti kursus dan latihan berkaitan keusahawanan, pada bulan Disember 1994 MARA telah menobatkannya sebagai Peserta Kursus Terbaik bagi tempoh sepanjang tahun 1994. Di samping bersyukur dengan kejayaannya itu, dia juga turut gembira apabila MARA meluluskannya ruang bagi disewanya yang telah dimohonnya pada bulan Julai 1994 untuknya memulakan perniagaan. Ekoran itu dia telah menamatkan perkhidmatannya sebagai Jurulatih di GTC untuk merealisasikan cita-citanya. Pada 20 Disember 1994 dia memulakan operasi perniagaannya menggunakan nama Nuri Reflexology And Therapy di Lot 3.32 (dengan keluasan 250 kaki persegi), di Tingkat 2, Bangunan Medan MARA, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur. Di lot itu dia hanya mampu menempatkan seunit katil untuk urut dan

seunit kerusi untuk refleksologi dengan seorang juru urut senasib yang diambilnya berkhidmat untuk memulakan perniagaannya.

Walaupun perkhidmatannya dihebahkan di media cetak dan elektronik dan juga melalui kad perniagaan yang diedarkan, dia mendapati bagi tempoh tiga bulan pertama operasi perniagaannya bermula langsung tidak menggalakkan. Dia meramalkan perniagaan yang dijalankannya berkemungkinan kurang disenangi dan dipandang serong oleh pihak ramai. Namun segala ramalan dan kemungkinan itu meleset sama sekali sesudah artikel tentang perniagaannya disiarkan di surat khabar Berita Harian. Selang beberapa hari kemudian, pelanggan mulai ramai datang untuk mendapatkan perkhidmatannya. Temu bualnya menerusi slot Malaysia Hari Ini secara langsung di Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3) pada bulan Mei 1995 turut membantu merancakkan lagi perniagaannya.

Ekoran perniagaannya bertambah maju, dia telah menyewa dan berpindah ke ruang yang lebih besar lagi di bangunan dan di tingkat yang sama pada Jun 1995 dengan keluasan 433 kaki persegi di Lot 3.03. Hasil daripada tambahan modal yang dipohon dan disumbangkan Yayasan Kebajikan Negara, dia berjaya menambah bilangan katil untuk perkhidmatan urut menjadi 5 unit sementara kerusi untuk perkhidmatan refleksologi sudah tidak diperlukannya lagi. Rakan-rakan senasib yang mahir di bidang urut dan refleksologi yang sudah diuji turut diambilnya berkhidmat dengan dibayar upah mengikut kadar yang ditetapkannya.

Memandangkan sambutan pelanggan begitu menggalakkan sementara ruang yang sedia ada pula masih gagal menampungnya, dia memohon pinjaman MARA untuk mengembangkan perniagaannya secara lebih eksklusif dan kompetitif. Dengan modal RM70,000 (RM50,000 pinjaman yang diluluskan MARA dan RM20,000 lagi wang sendiri), dia membuka satu lagi perniagaannya di ruang seluas 596 kaki persegi di tingkat 4, Lot 21, Plaza Warisan, Jalan Tun H.S. Lee, Kuala Lumpur dan mula beroperasi pada awal bulan Mei, 1997. Para juruurut dan refleksologinya juga terdiri daripada mereka senasibnya. Walaupun perkembangannya menggalakkan, namun pendapatannya tidak sejajar dengan sasaran yang ditetapkannya. Di

samping masalah pengurusan dan kejatuhan ekonomi negara yang melanda sebahagian besar dunia pada 1997 dan faktor-faktor lain, dia mengambil keputusan muktamad menutup perniagaannya di situ sebelum mengalami kerugian yang lebih teruk.

Mendapati ada kekosongan ruang di Lot 3.25 (dengan keluasannya 750 kaki persegi) di tingkat 2, Bangunan Medan MARA selepas penutupan perniagaannya di Plaza Warisan, dia langsung memohonnya dan mula beroperasi pada bulan Jun 1998. Pada tahun 2003 dia menambah lagi satu ruang yang disewanya di bangunan dan tingkat yang sama di Lot 3.24 khas digunakan untuk melatih Guru-guru Pendidikan Khas. Program itu sudahpun dimulakannya dengan 4 orang guru dari Julai hingga Disember 2003. Difahamkan bahawa mereka yang sudah dilatih dengan jayanya akan ditempatkan di institusi pendidikan Orang Kurang Upaya (OKU) yang bakal diwujudkan di dalam tempoh terdekat ini. Di samping itu dia juga turut membantu melatih dan membimbing Jurulatih-jurulatih Urut dan Refleksologi yang ditempatkan di institusi-institusi orang buta seperti di St. Nicholas Home, Pulau Pinang, Persatuan Bagi Orang-orang Buta Sabah dan Sarawak.

Di samping bersedia melatih lebih ramai lagi orang-orang buta di bidang urut dan refleksologi, dia juga akan terus berusaha meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan perniagaannya agar lebih kompetitif di pasaran. Dia juga tidak pernah menghentikan usahanya untuk meletakkan bidang urut dan refleksologi sebagai salah satu pendidikan vokasional di sekolah dan di institusi-institusi pendidikan tinggi negara. Walaupun dia sibuk dengan perniagaannya, sumbangannya pada penghuni-penghuni rumah pangsa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Jalan Kenanga, Kuala Lumpur di mana dia anak-beranak bermastautin kini tetap tidak dilupakanya. Dia pernah dilantik menjadi Pengurus kepada Persatuan Wanita dan mengetuai Biro Penerangan di bawah naungan UMNO pada awal tahun sembilan puluhan buat beberapa tahun. Buat masa ini dia bergiat di dalam Kelab Sukan Dan Rekreasi, MAB, Persatuan Urut Dan Refleksologi Orang-orang Buta yang diasaskannya dan merupakan pengasas juga pada Persatuan Orang-orang Istimewa (OKU) Malaysia.